

## PENGARUH JANTINA DAN SEKOLAH TERHADAP AMALAN AKHLAK MURID TAHFIZ DI SELANGOR

**Wan Fatimah Wan Zakaria<sup>1</sup>, Siti Suhaila Ihwani<sup>2</sup> & Ummu Hani Yusop<sup>3</sup>**

*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,*

*Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur<sup>1,2</sup>*

*Fakulti Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai<sup>3</sup>*

*wfatimahwz2083@gmail.com<sup>1</sup>, sitisuhaila@utm.my<sup>2</sup> & ummuhaniyusop@gmail.com<sup>3</sup>*

### ABSTRACT

*Memorising the Quran requires an extremely high level of commitment to ensure a smooth memorisation process. Therefore, students following the tahniz stream must practice specific etiquette and moral conduct to aid and facilitate their Quran memorisation. This study aims to identify the level of moral practice among tahniz students in Selangor. Additionally, it examines differences in moral practice levels based on gender and school location. A quantitative method was applied using a survey to collect data. Simple random sampling involved 149 fourth-year students from Maahad Integrasi Tahniz Selangor (MITS). The data was analysed descriptively using IBM SPSS Statistics version 29.0 for Windows to determine frequency, percentage, mean, and standard deviation. Moreover, inferential analysis using an independent t-test and one-way ANOVA was conducted to identify differences based on gender and school location. The findings indicate that the moral practice level among tahniz students is moderately high (mean score = 3.64, standard deviation = 0.39). The study also reveals no significant differences in moral practice levels based on gender ( $t = -1.428, p = 0.156$ ) or school location ( $f = 0.873, p = 0.457$ ). The findings of this study emphasise the importance of ongoing collaboration among all parties involved in developing the tahniz curriculum to foster morally upright tahniz students.*

**Keywords:** Moral practices; Quran memorisation; tahniz students; Maahad Integrasi Tahniz Selangor

### ABSTRAK

Hafazan al-Quran memerlukan komitmen yang sangat tinggi bagi memastikan proses menghafaz al-Quran berjalan lancar. Justeru, murid yang mengikuti aliran tahniz perlu mengamalkan adab atau akhlak tertentu yang khusus bagi membantu serta memudahkan proses hafazan al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahniz di Selangor. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perbezaan tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahniz berdasarkan jantina dan lokasi sekolah. Metod kuantitatif diaplikasikan dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data. Persampelan rawak mudah melibatkan responden sebanyak 149 orang murid tingkatan empat di Maahad Integrasi Tahniz Selangor (MITS). Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 29.0 for windows secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisisian piawai. Selain itu, analisis inferensi menggunakan ujian-t dua sampel bebas dan ujian ANOVA sehala digunakan untuk mencari perbezaan antara jantina dan lokasi sekolah. Hasil kajian mendapati tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahniz berada pada tahap sederhana tinggi (skor min=3.64, sisisian piawai=0.39). Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahniz berdasarkan jantina ( $t=-1.428, p=0.156$ ) dan lokasi sekolah ( $f=0.873, p=0.457$ ). Implikasi kajian ini menunjukkan tahap amalan akhlak murid tahniz masih perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dengan proses penggubalan kurikulum tahniz bagi melahirkan murid tahniz yang berakhlak mulia.

**Kata kunci:** Amalan akhlak; hafazan al-Quran; murid tahniz; Maahad Integrasi Tahniz Selangor

## **PENGENALAN**

Hafazan al-Quran telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW apabila baginda menerima al-Quran melalui Jibril AS dengan cara hafazan dan *talaqqi musyafahah*. Proses ini bermula dengan penurunan ayat al-Quran yang pertama hingga ayat yang terakhir dan memakan masa selama 23 tahun (Mohammad Asraff, 2015). Proses hafazan ini diteruskan pula oleh para sahabat bagi menjaga dan memelihara ketulenan al-Quran. As-Sayuti (1987) menyatakan hafazan al-Quran adalah satu usaha untuk menjaga dan memelihara kesucian al-Quran serta dapat mengelakkan dari berlakunya penyelewengan dan pemalsuan terhadap al-Quran. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT untuk memelihara al-Quran seperti yang disebutkan dalam surah al-Hijr (15:9) yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

(Abdullah, 2010)

Sehingga kini, hafazan al-Quran merupakan satu bidang yang tidak asing lagi dan semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia (Zulkifli et al., 2018). Oleh yang demikian, pendidikan tahfiz menjadi pilihan utama masyarakat hari ini. Ibu bapa berlumba-lumba untuk memasukkan anak-anak mereka ke sekolah tahfiz. Bagi memenuhi keperluan tersebut, beberapa kerajaan negeri telah mengambil inisiatif memperkenalkan kurikulum pendidikan tahfiz dan sains di peringkat sekolah menengah. Antaranya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah memperkenalkan Kurikulum Integrasi Tahfiz Negeri Selangor (KITNS) yang dilaksanakan oleh Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). Pendekatan *integrated* (bersepadu) dan holistik (menyeluruh) menjadi dasar kepada pelaksanaan kurikulum ini yang berteraskan Kurikulum Tahfiz Al-Quran, Kurikulum Al-Azhar dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Kurikulum & Akademik, 2012).

Pelaksanaan kurikulum tahfiz terbukti dapat melahirkan ramai penghafaz al-Quran, namun aspek amalan akhlak dan adab dalam kalangan murid tahfiz perlu diberi perhatian. Ini kerana, hafazan al-Quran bukan sekadar menghafaz ayat-ayat yang terkandung dalam al-Quran tetapi mempraktikkan isi kandungannya dalam kehidupan seharian. Hasil kajian (Santibuaana, 2022; Sharifah Noorhidayah et al., 2021) mendapati bahawa tahap amalan sunat pelajar tahfiz adalah sederhana. Keadaan ini tidak boleh dianggap remeh kerana pelaksanaan amalan sunat dapat meningkatkan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz (Sharifah Noorhidayah et al., 2021). Justeru, kajian ini perlu dijalankan untuk mengkaji tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz. Walaupun terdapat banyak kajian lepas berkaitan pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia, namun begitu kajian-kajian tersebut lebih fokus kepada pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran, kaedah dan teknik menghafaz al-Quran serta pembangunan modul atau model hafazan al-Quran.

## **SOROTAN KAJIAN**

Proses menghafaz al-Quran merupakan satu ibadah yang boleh mendekatkan diri seorang hamba kepada penciptanya. Proses ini memerlukan syarat yang membolehkan ibadah ini diterima oleh Allah iaitu amal yang ikhlas dan selari dengan tuntutan syarak (An-Nawawi, 1992). Justeru, seseorang yang sedang menghafaz al-Quran perlu mengamalkan akhlak atau adab tertentu bagi membantu proses hafazan al-Quran berjalan dengan lancar.

### Akhhlak Murid Tahfiz

Komitmen yang tinggi sangat diperlukan oleh murid-murid yang mengikuti aliran tahfiz bagi memastikan kelangsungan proses menghafaz al-Quran. Selain itu, adab dan amalan tertentu yang khusus juga perlu diamalkan bagi membantu serta memudahkan proses hafazan (Fathiayah et al., 2018). Antara akhlak dan adab yang sering dipraktikkan oleh murid tahfiz ialah menggunakan mashaf uthmani yang khusus semasa menghafaz al-Quran (Abdul Hafiz et al., 2003; Azmil & Misnan, 2015; Wan Khalijah et al., 2013). Hal ini seiring dengan saranan Ahmad Salim (2016) dan Al-Ghautsani (2014) agar para hafiz menggunakan satu mashaf yang khusus sepanjang tempoh menghafaz al-Quran. Ini kerana kedudukan ayat dan baris pada setiap muka surat dalam al-Quran kadang kala berbeza mengikut cetakan atau penerbitan. Oleh yang demikian, bertukar-tukar mashaf semasa proses menghafaz al-Quran boleh menyebabkan kekeliruan dan menimbulkan kesukaran kepada murid dalam mengingati ayat serta kedudukannya dalam al-Quran (As-Syarbini, 2004 dan Mohamad Muhsin, 1994).

Para hafiz juga disarankan agar menghadap kiblat semasa menghafaz al-Quran (Abu Najihat, 2002; An-Nawawi, 1992) dan membaca doa yang khusus setiap kali hendak menghafaz al-Quran serta setelah selesai menghafaz al-Quran (As-Syarbini, 2004; Mohamad Muhsin, 1994). Hal ini bertujuan untuk memohon bantuan dan pertolongan daripada Allah SWT agar proses menghafaz al-Quran menjadi mudah. An-Nawawi (1992) dan Abu Najihat (2002) menggariskan agar para hafiz membaca doa yang bersesuaian dengan ayat al-Quran yang sedang dibaca atau dihafaz. Contohnya, berdoa supaya dimasukkan ke syurga sekiranya sedang menghafaz ayat yang menceritakan mengenai syurga dan berdoa dijauhkan azab neraka sekiranya sedang menghafaz ayat berkaitan neraka. Azmil et al. (2014) mencadangkan agar para murid tahfiz banyak berdamping dengan orang yang menghafaz al-Quran. Cadangan ini selari dengan saranan As-Syarbini (2004) dan Majdi (2014) agar murid tahfiz sentiasa bergaul dan berdamping dengan golongan hafiz al-Quran. Fathiayah et al. (2018) menjelaskan berdamping dengan para hafiz dapat meningkatkan semangat dan motivasi untuk menghafaz al-Quran serta dapat membantu murid tahfiz untuk istiqamah dalam proses menghafaz dan mengulang hafazan al-Quran.

Selain itu, para hafiz juga dinasihatkan agar menjaga pemakanan sama ada dari aspek pemakanan yang halal dan juga pemakanan yang berkhasiat serta seimbang (Al-Ghautsani, 2014; Azmil et al., 2014; Intan Zakiah, 2018; Majdi, 2014). Menurut Majdi (2014) pemakanan yang halal, berkhasiat dan seimbang dapat menjadikan tubuh badan yang sihat dan seterusnya menghasilkan akal yang cerdas. Ini kerana, tubuh badan yang sihat dan akal yang cerdas sangat diperlukan oleh individu yang sedang menghafaz al-Quran. Selain itu, perbuatan tidak menitikberatkan pemakanan halal merupakan sebahagian daripada faktor yang menyumbang kepada timbulnya sifat negatif dalam diri (Aemy Liza, 2014). Makan makanan haram akan melahirkan individu yang berakhhlak buruk dan mempunyai sifat-sifat negatif seperti malas, suka meringan-ringankan ibadah dan tidak taat pada perintah Allah (Aemy Liza, 2014). Selain itu, penekanan kepada amalan-amalan khusus yang tertentu sangat penting bagi melancarkan proses hafazan al-Quran. Antaranya ialah qiamullail, puasa sunat, solat dhuha dan sedekah (As-Syarbini, 2004 dan Mohamad Muhsin, 1994). Amalan-amalan tersebut dapat membantu para hafiz mengingati dan memelihara ayat al-Quran yang telah dihafaz dalam ingatan. Selain itu, karakter seorang hafiz yang beramal dengan isi kandungan al-Quran juga dapat ditonjolkan.

### PENYATAAN MASALAH

Pendidikan tahfiz di Malaysia berkembang pesat seiring dengan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penghafazan al-Quran (Zulkifli et al., 2018). Selain daripada kecemerlangan dalam aspek hafazan, institusi tahfiz juga bertanggungjawab dalam membentuk keperibadian serta

akhlak mulia dalam kalangan pelajarnya (Samsuddin, 2020). Ini kerana akhlak yang baik merupakan asas kepada pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi dalam masyarakat (Izuli Dzulkifli et al., 2024). Akhlak memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik dan hafazan al-Quran, tetapi juga memiliki nilai moral yang tinggi (Norhayati et al., 2024). Dalam era globalisasi yang semakin mencabar, cabaran dalam pembentukan akhlak murid semakin kompleks akibat pengaruh media sosial, teknologi digital dan perubahan gaya hidup (Izuli Dzulkifli et al., 2024). Oleh itu, adalah penting untuk menilai tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz bagi memastikan mereka kekal berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam yang murni (Samsuddin, 2020).

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz serta meneliti perbezaan antara jantina dan lokasi sekolah terhadap amalan tersebut. Melalui pemahaman yang lebih mendalam terhadap aspek ini, institusi tahfiz dapat merangka strategi yang lebih berkesan dalam memperkuuh pendidikan akhlak di kalangan pelajar (Norhayati et al., 2024) Justeru, kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan kurikulum tahfiz yang lebih holistik dan bersepada dalam memastikan kesinambungan generasi huffaz yang berakhlak tinggi dan berketerampilan dalam masyarakat (Norhayati et al., 2024).

## **OBJEKTIF**

1. Mengenal pasti tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz di MITS.
2. Mengkaji perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan jantina.
3. Mengkaji perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan sekolah.

## **PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS?
2. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan jantina.
3. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan sekolah.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

- $H_0$ <sub>1</sub> Tidak terdapat perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan jantina.  
 $H_0$ <sub>2</sub> Tidak terdapat perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan sekolah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif untuk menjawab semua persoalan kajian. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapat penjelasan yang terperinci tentang fenomena tersebut agar boleh digunakan untuk membuktikan kewujudannya atau membuat rancangan penambahbaikan (Deobold, 1993). Justeru, kajian ini mengaplikasikan kaedah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 149 orang murid tahfiz yang dijadikan sebagai responden kajian.

### Kaedah Pensampelan

Pensampelan juga merupakan satu proses pemilihan sampel daripada populasi kajian (Mohammad & Aziz, 2016). Mok (2010) menyatakan terdapat pelbagai jenis kaedah pensampelan yang boleh digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Antaranya pensampelan rawak mudah, pensampelan rawak sistematik, pensampelan rawak berlapis, pensampelan Kawasan pelbagai lapisan dan pensampelan kelompok yang terdiri daripada kaedah pensampelan kebarangkalian (Chua, 2006). Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menggunakan pensampelan rawak mudah bagi menentukan sampel kajian. Kaedah ini digunakan berikutnya untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian.

Responden kajian terdiri daripada murid-murid tahniz tingkatan empat yang melibatkan pelbagai tahap pencapaian hafazan. Pengkaji telah memilih responden secara rawak mudah berdasarkan senarai nama yang telah diberikan oleh guru kelas masing-masing. Pengkaji melaksanakan pemilihan sampel dengan cara melakukan cabutan undian mengikut kelas. Pengkaji akan menulis nama semua murid yang terdapat dalam populasi dan memasukkan ke dalam bekas yang telah dilabel mengikut kelas. Setelah itu, pengkaji akan mencabut nama murid mengikut bilangan sampel yang diperlukan bagi setiap kelas. Murid yang telah dicabut namanya dijadikan sampel kajian dan dikehendaki menjawab borang soal selidik yang disediakan.

### Instrumen Kajian

Instrumen merupakan satu alat atau prosedur yang digunakan secara sistematis untuk mendapatkan maklumat atau data bagi sesuatu kajian (Ghazali & Sufean, 2016; Lay & Khoo, 2012). Soal selidik merupakan salah satu instrumen atau alat yang digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif. Lay & Khoo (2012) mengatakan soal selidik merupakan kaedah pengumpulan data yang paling kerap dan mudah digunakan kerana senang untuk diurus dan diselia. Secara keseluruhannya, soal selidik ini diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Soal selidik kajian ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden) dan Bahagian B (Amalan Akhlak Murid Tahniz). Skala likert lima mata dengan menggunakan skala kekerapan dijadikan skala pengukuran bagi setiap item yang terdapat di dalam borang soal selidik. Perincian bagi skala pengukuran adalah seperti dalam

Jadual 1.

Jadual 1: Skala Likert

Nilai	Skala
1	Tidak Pernah (TP)
2	Jarang-jarang (J)
3	Agak Kerap (AK)
4	Kerap (K)
5	Sangat Kerap (SK)

### Analisis Data Kajian

Data-data soal selidik yang diperolehi daripada responden kajian ini telah diproses dan dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics versi 25.0 for windows* secara deskriptif dan inferensi.

#### a) Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu tahap amalan akhlak murid tahniz. Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan

piawai. Data yang diproses mengambil kira nilai min dengan merujuk kepada interpretasi skala min yang disarankan oleh Nunally (1978) seperti

Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi skala min

Nilai Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978)

### b) Analisis Inferensi

Penggunaan statistik inferensi bertujuan untuk mendapatkan *inferens* daripada statistik sesuatu sampel bagi seluruh populasi (Ward, 1990). Dalam konteks kajian ini, analisis inferensi digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang kedua dan ketiga iaitu mengkaji perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz berdasarkan jantina dan sekolah. Justeru, pengkaji telah menjalankan ujian t bagi dua sampel bebas untuk mengenal pasti perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz berdasarkan faktor jantina. Pengkaji juga telah menjalankan ujian ANOVA sehala untuk mengenal pasti perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz berdasarkan faktor sekolah.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian dijalankan bagi menjawab persoalan yang telah disebut sebelum ini. Dapatan ini terbahagi kepada tiga iaitu amalan akhlak murid tahfiz, perbezaan amalan akhlak murid tahfiz berdasarkan jantina dan perbezaan amalan akhlak murid tahfiz berdasarkan sekolah.

### Amalan Akhlak Murid Tahfiz

Jadual 3 menjelaskan secara terperinci mengenai item-item berkaitan tahap amalan akhlak murid tahfiz. Item-item tersebut diuji berdasarkan kekerapan, peratus, nilai min, sisihan piawai dan interpretasi. Secara keseluruhannya, amalan akhlak murid tahfiz berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi dengan memperoleh nilai skor min =3.64 dan sisihan piawai =0.39. Kajian mendapati murid tahfiz sangat menitik beratkan tentang pembacaan doa yang khusus sebelum dan selepas menghafaz al-Quran. Hal ini dapat dilihat melalui jawapan daripada item yang mendapat skor min yang tinggi antaranya ialah “*membaca doa khusus sebelum menghafaz al-Quran*” (min=4.32, sp=0.97) dengan 83.2% murid menyatakan kerap dan sangat kerap, “*membaca doa khusus selepas menghafaz al-Quran*”(min=4.36, sp=0.98) dengan peratus kerap dan sangat kerap sebanyak 85.2%. Selain itu, dapatan ini juga membuktikan murid tahfiz sangat mementingkan aspek pemakanan halal serta pergaulan dengan golongan *hafiz* al-Quran. Dapatan ini dapat dilihat melalui item “*menjaga pemakanan halal*”(min=4.55, sp=0.78) dengan 89.2% murid menyatakan kerap dan sangat kerap dan “*bergaul dengan golongan hafiz al-Quran*” (min=4.24, sp=0.96) dengan peratus kerap dan sangat kerap sebanyak 77.7%.

Di samping itu, solat fardu di awal waktu dan solat fardu secara berjemaah juga merupakan amalan yang sangat ditekankan oleh murid tahfiz. Hal ini ditunjukkan melalui dapatan daripada item “*mengamalkan solat lima waktu secara berjemaah*” (min =4.50, sp=0.72) dan item “*solat fardu di awal waktu*”(min=4.47, sp=0.67) dengan peratus kerap dan sangat kerap masing-masing

sebanyak 92.0% dan 91.3%. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan murid tahniz menekankan penggunaan mashaf yang khusus semasa menghafaz al-Quran. Hal ini boleh dilihat melalui dapatan bagi item “*bertukar-tukar mashaf semasa menghafaz al-Quran*” ( $\text{min}=1.68$ ,  $\text{sp}=0.89$ ) dengan kekerapan jarang-jarang dan tidak pernah sebanyak 87.9%. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan amalan solat *sunat dhuha* kurang dipraktikkan oleh murid tahniz. Dapatan ini dapat dilihat melalui item “*mengamalkan solat sunat dhuha*” ( $\text{min}=2.92$ ,  $\text{sp}=0.87$ ) dengan hanya 28.2% murid menyatakan kerap dan sangat kerap. Selain itu, item “*menyertai ujian hafazan al-Quran*” mencatat nilai terendah ( $\text{min}=1.74$ ,  $\text{sp}=1.08$ ) dengan peratus murid menyatakan jarang-jarang dan tidak pernah sebanyak 83.2%.

Selain itu, terdapat tujuh item yang berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Antaranya ialah item “*beristighfar sebelum menghafaz al-121 Quran*” ( $\text{min}=3.57$ ,  $\text{sp}=1.26$ ) dengan 72.5% murid menyatakan agak kerap, kerap dan sangat kerap, item “*mengamalkan puasa sunat*” ( $\text{min}=3.46$ ,  $\text{sp}=0.91$ ) dengan peratus murid menyatakan agak kerap, kerap dan sangat kerap sebanyak 87.9%, item “*mengamalkan qiamullail*” ( $\text{min}=3.65$ ,  $\text{sp}=0.99$ ) dengan peratus murid menyatakan agak kerap, kerap dan sangat kerap sebanyak 83.8% serta item “*Zikir menjadi amalan*” ( $\text{min}=3.83$ ,  $\text{sp}=1.02$ ) dengan 89.9% murid menyatakan agak kerap, kerap dan sangat kerap. Ini menunjukkan bahawa amalan *istighfar* sebelum menghafaz al-Quran, amalan puasa sunat, amalan *qiamullail* dan amalan zikir sering dipraktikkan oleh murid tahniz dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, murid tahniz juga memastikan meraka sentiasa dalam keadaan berwudhu’ dan menghadap qiblat semasa menghafaz al-Quran serta makan makanan yang berkhasiat. Hal ini dibuktikan melalui dapatan daripada item “*menghafaz al-Quran dalam keadaan berwudhu’*” mencatat ( $\text{min}=3.87$ ,  $\text{sp}=1.02$ ) dengan 85.3% murid menyatakan agak kerap, kerap dan sangat kerap, item “*menghadap kiblat semasa menghafaz al-Quran*” ( $\text{min}=3.42$ ,  $\text{sp}=1.03$ ) dengan peratus murid menyatakan agak kerap, kerap dan sangat kerap sebanyak 79.9% serta item “*makan makanan yang berkhasiat*” ( $\text{min}=3.72$ ,  $\text{sp}=0.95$ ) dengan 88.0% murid menyatakan agak kerap, kerap dan sangat kerap.

Jadual 3: Tahap amalan akhlak murid tahniz

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Bertukar-tukar <i>mashaf</i> semasa menghafaz al-Quran.	1.68	.89	Rendah
Beristighfar sebelum menghafaz al-Quran.	3.57	1.26	Sederhana Tinggi
Membaca doa khusus sebelum menghafaz al-Quran.	4.32	.97	Tinggi
Membaca doa khusus selepas menghafaz al-Quran.	4.36	.98	Tinggi
Mengamalkan puasa sunat.	3.46	.91	Sederhana Tinggi
Mengamalkan <i>qiamullail</i> .	3.65	.99	Sederhana Tinggi
Mengamalkan zikir	3.83	1.02	Sederhana Tinggi
Menyertai ujian hafazan al-Quran	1.74	1.08	Rendah
Menghafaz al-Quran dalam keadaan berwudhu’.	3.87	1.02	Sederhana Tinggi
Menghadap kiblat semasa menghafaz al-Quran.	3.42	1.03	Sederhana Tinggi
Menjaga pemakanan halal.	4.55	.78	Tinggi
Makan makanan yang berkhasiat.	3.72	.95	Sederhana Tinggi
Bergaul dengan golongan <i>hafiz</i> al-Quran.	4.24	.96	Tinggi
Solat lima waktu secara berjemaah.	4.50	.72	Tinggi
Solat <i>fardu</i> di awal waktu.	4.47	.67	Tinggi
Saya sentiasa mengamalkan solat <i>sunat dhuha</i> .	2.92	.87	Sederhana Rendah

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Keseluruhan	3.64	.39	Sederhana Tinggi

Hasil analisis kajian mendapati murid tahfiz sangat menekankan amalan membaca doa yang khusus sebelum dan selepas menghafaz al-Quran. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Azmil et al. (2014) dan Intan Zakiah (2018) namun bertentangan dengan dapatan Ahmad Rozaini et al. (2017). Selain itu, dapatan kajian mendapati penjagaan makanan halal dan pergaulan dengan golongan hafiz sangat dititik beratkan oleh murid tahfiz namun pengambilan makanan berkhasiat kurang diberi perhatian oleh mereka. Ini menunjukkan dapatan ini selari dengan dapatan kajian lepas yang telah dijalankan oleh Azmil et al. (2014) dan Intan Zakiah (2018). Murid tahfiz juga didapati kurang mengamalkan puasa sunat dan qiamullail. Dapatkan ini selari dengan dapatan Azmil et al. (2014) dan Intan Zakiah (2018) namun bertentangan dengan dapatan kajian Abdul Hafiz et al. (2005). Di samping itu, penyertaan murid tahfiz dalam ujian hafazan juga tidak memberangsangkan. Ini dapat dilihat daripada hasil dapatan kajian yang menunjukkan penyertaan murid dalam ujian hafazan yang dianjurkan oleh jabatan agama tertentu berada pada tahap rendah. Oleh itu, dapatan ini membenarkan dapatan yang dikemukakan oleh Ahmad Rozaini et al. (2017) dan Abdul Hafiz et al. (2005) yang menyatakan tahap penyertaan murid tahfiz berada tahap sederhana rendah serta sederhana tinggi.

#### Perbezaan Tahap Amalan Akhlak Murid Tahfiz Berdasarkan Jantina

$H_0_1$  Tidak terdapat perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan jantina.

Jadual 4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz berdasarkan jantina dengan nilai  $t$  (147) = -1.428 dan nilai  $P$  = 0.156 ( $P>0.05$ ). Maka hipotesis nol ( $H_0_1$ ) gagal ditolak. Secara rumusannya, keputusan analisis ujian  $t$  bagi dua sampel bebas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan akhlak dalam kalangan murid lelaki dan murid perempuan. Ini menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz. Namun begitu, dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian (Azmil et al., 2014) yang menunjukkan adab pembelajaran tahfiz murid perempuan lebih baik daripada murid lelaki.

Jadual 4: Ujian-t perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz berdasarkan jantina

Tahap Amalan Akhlak	Jantina	N	Min	Nilai T	df	Sig. P
	Lelaki	74	3.5971	-1.428	147	0.156
	Perempuan	75	3.6892			

#### Perbezaan Tahap Amalan Akhlak Murid Tahfiz Berdasarkan Sekolah

$H_0_2$  Tidak terdapat perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz di MITS berdasarkan sekolah.

Hasil analisis varians sehala dalam Jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan akhlak [ $F(3, 145) = 0.873, p = 0.457$ ] dalam kalangan murid tahfiz berdasarkan lokasi sekolah responden. Dengan ini,  $H_0_2$  adalah gagal ditolak. Secara rumusannya, keputusan analisis ujian ANOVA sehala menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz berdasarkan lokasi sekolah. Ini menunjukkan bahawa lokasi sekolah tidak mempengaruhi tahap amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz. Walau

bagaimanapun, dapatan ini tidak selari dengan dapatan (Azmil et al., 2014) yang menunjukkan bahawa faktor institusi dapat mempengaruhi adab pembelajaran murid tahfiz.

Jadual 5:Ujian ANOVA Sehala perbezaan tahap amalan akhlak murid tahfiz berdasarkan lokasi sekolah

		JKD	DK	MKD	F	Sig. P
Tahap Amalan Akhlak	Antara kumpulan	.409	3	0.136	.873	.457
	Dalam kumpulan	22.665	145	0.156		
	Jumlah	23.074	148			

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang amalan akhlak dalam kalangan murid tahfiz. Dapatan menunjukkan bahawa faktor jantina dan sekolah tidak mempengaruhi tahap amalan akhlak secara signifikan. Kajian ini menyarankan supaya usaha pemantapan akhlak terus diperkuat melalui program pendidikan yang lebih holistik dalam institusi tahfiz di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad, & Idris Ismail. (2003). Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz. In *Universiti Teknologi Malaysia* (Issue pendidikan al quran).
- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, & Abdul Basit Samat @ Darawi. (2005). Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan Al-Qur'an yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. *Universiti Teknologi Malaysia*, 1–284. <https://doi.org/10.1080/09540121.2010.487086>
- Abdullah Muhammad Basmieh. (2010). *Tafsir Pimpinan Arrahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 juzu'*. Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Abu Najihat Al-Hafiz. (2002). *Panduan Bagi Hafiz-hafizah & Qari-qariah*. Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Aemy Liza Minhat. (2014). *Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Rozaini Ali Hasan, Iza Faradiba Mohd Patel, Abd Rahman Abd Ghani, & Misnan Jemali. (2017). Faktor Motivasi dalam Amalan Pembelajaran Hafazan Al-Quran. *Jurnal Perspektif: Special Issue*, 1(1), 13–20.
- Ahmad Salim Badwilan. (2016). *Cara Mudah Menghafaz Al-Quran dan Menjaganya* (Muhammad Salman Jonid, Ed.; Abdul Ra'zman Saleh Siregar, Trans.). Al-Hidayah Publication.
- Al-Ghautsani, Yahya 'Abdurrazzaq (2014). *Cara Mudah Dan Cepat Menghafal Al-Quran* (Zulfan S.T, Trans.). Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- An-Nawawi. (1992). *At-Tibyan Fi Adabi Hamlatil Quran*.
- As-Sayuti. (1987). *Al-Itqan fi 'Ulum Al-Quran*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halaby.
- As-Syarbini. (2004). *Qasdu As-Sabil ila Al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran*. Dar Ibnu Kathir.
- Azmil Hashim, & Misnan Jemali. (2015). Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al Qur'an Para Pelajar. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 15–25.

- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Aderi Che Noh. (2014). Hubungan Antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73–82.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan*. Mc. Graw Hill Sdn. Bhd.
- Fathiayah Mohd. Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib, & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2018). Pembelajaran Murid Tahfiz Sekolah Agama Kerajaan Di Malaysia: Bentuk Adab Dan Amalan Murid Yang Dilaksanakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 18–30.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Intan Zakiah Jamaluddin. (2018). *Pengaruh Kesediaan Dalaman, Strategi Pembangunan Dalaman, Strategi Latihan Dan Strategi Menghafaz Al-Qur'an Terhadap Pencapaian Subjek Hifz Al-Qur'an Pelajar Tahfiz Di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Izuli Dzulkifli, Khairul Anwar Mastor, Nasruddin Yunos, & Sharifah Noorhidayah Syed Aziz. (2024). Implementation of Religious Internalization Activities in Schools to Shape Tahfiz Students' Personality. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(11), 2429–2444. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i11/23791>
- Kurikulum, U., & Akademik, S. P. (2012). *Kurikulum Integrasi, Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz Al Quran Negeri Selangor*. Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor.
- Lay Yoon Fah, & Khoo Chwee Hoon. (2012). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Majdi Ubaid. (2014). *9 Langkah Mudah Menghafal Al-Quran* (Firman Arifianto, Ed.; Ikhwanuddin & Rahmad Arbi Nur Shaddiq, Trans.). PT Aqwam Media Profetika.
- Mohamad Muhsin Sheikh Ahmad. (1994). *Al-Quran dan Cara-cara Menghafaz*.
- Mohammad Abdullah, & Aziz Mohammad. (2016). *Pensampelan Panduan Asas Penyelidik*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohammad Asraff Ayob. (2015). *Mudahnya Hafal Al-Quran Menggunakan Kaedah Jibril*. PTS Publications & Distributors SDN. BHD.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan, Perancangan Dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Norhayati Haji Hamzah, Nor Aini Ali, Nor 'Azzah Kamri, Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff, & Noor Naemah Abdul Rahman. (2024). Empowering Tahfiz Education in Malaysia: Insights into the External Factors Driving Parental Preferences. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 39(2), 5–37.
- Nunally. (1978). *Pyschometric Theory* (2<sup>nd</sup> ed.). McGraw-Hill.
- Samsuddin Hamid. (2020). *Attitudes Toward Interreligious Harmony Among Muslim Students in Malaysian Secondary Schools* [Doktor Falsafah]. University of Warwick.
- Santibuaana Abd Rahman. (2022). *Pengaruh Hafazan Al-Quran Terhadap Kecerdasan Intelek (IQ), Kualiti Hidup, Status Kesihatan Dan Aktiviti Otak Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Di Selangor* [Tesis Doktor Falsafah]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar@Johari Mastor, & Izuli Dzulkifli. (2021). Pelaksanaan Amalan Sunat Dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Sahsiah Pelajar Tahfiz Di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 77–90.
- Wan Khalijah Wan Jusoh, Ahmad Abdul Rahman, Wan Nasryuddin Wan Abdullah, & Nur Hanisah Mohammad Nor Affandi. (2013). Kaedah Menghafaz Al-Quran Yang Diaplikasi Oleh Para Pelajar Darul Quran, JAKIM. *Jurnal KIAS*, 8(1), 18–35.

- Ward Mitchell Cates. (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan* (Syaharom Abdullah, Trans.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Nor 'Azzah Kamri, Nor Aini Ali, Norhayati Hamzah, & Naeimah Ramlan. (2018). Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz. *Ke Arah Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia*, 38–80.